



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA LANDASAN UNTUK OPERASI PERKHIDMATAN KARGO BAGI LALUAN PASIR GUDANG – KEMPAS BARU

Pasir Gudang, Johor 9 Mei 2025 – YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Semula Landasan untuk Operasi Perkhidmatan Kargo bagi laluan Kempas Baru, satu langkah strategik dalam memperkukuh jaringan logistik rel negara serta mengurangkan kebergantungan terhadap pengangkutan jalan raya.

Landasan sepanjang 39.9 kilometer yang menghubungkan tiga jajaran utama – Kempas Baru, Seelong dan Pelabuhan Johor – telah dinaik taraf secara menyeluruh melibatkan pembinaan sistem perparitan baharu, penggantian trek dan batu kelikir, serta peningkatan sistem isyarat dan keselamatan dengan kos keseluruhan RM55 juta. Menariknya, projek ini yang pada asalnya dijadualkan mengambil masa 24 bulan, berjaya disiapkan dalam tempoh hanya enam bulan hasil kerjasama erat antara MOT, Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), dan kontraktor tempatan, Puncak Gali Harmoni Sdn. Bhd.

Dengan pembukaan semula laluan ini, KTMB telah meningkatkan kekerapan perjalanan kereta api kargo daripada 2 kepada 6 trip sehari, serta melonjakkan jumlah pengendalian kontena dari 140 TEUs kepada 420 TEUs sehari – peningkatan sebanyak tiga kali ganda. Ia sekaligus membuktikan keupayaan sistem rel sebagai mod pengangkutan kargo yang lebih cekap, selamat dan mampan.

Laluan ini juga akan memperkukuh sambungan antara Pelabuhan Pasir Gudang dengan pelabuhan utama lain seperti Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, serta ke Kuantan dan ke luar negara melalui jaringan rel ke Thailand dan China. Kejayaan ini menandakan Malaysia semakin hampir





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

merealisasikan aspirasi sebagai hab logistik serantau yang berdaya saing.

MOT turut memaklumkan bahawa cadangan untuk memperkenalkan perkhidmatan penumpang di sepanjang laluan Pasir Gudang – Kempas Baru kini sedang dikaji, mengambil kira perkembangan pesat di kawasan Johor Bahru dan permintaan terhadap pengangkutan awam yang selesa dan efisien.

Secara keseluruhan, industri pengangkutan kargo rel di Malaysia menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Dengan pelaburan berterusan dalam prasarana rel, penyelarasan dasar seperti Dasar Pengangkutan Negara, dan peningkatan penyambungan antara pelabuhan dan pusat industri, Malaysia semakin mengukuhkan kedudukannya sebagai hab logistik serantau yang mampan dan kompetitif. Keupayaan negara untuk beradaptasi, melaksanakan projek dengan pantas, dan memaksimumkan impak ekonomi membuktikan bahawa sektor rel akan terus menjadi nadi penting dalam transformasi logistik Malaysia.

Pembukaan semula landasan ini merupakan satu langkah penting dalam usaha berterusan Kerajaan untuk memperkukuh infrastruktur pengangkutan negara. Ianya sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan logistik, serta mengurangkan kebergantungan terhadap pergerakan kargo melalui jalan raya. Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang berpegang teguh untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dengan menekankan aspek tangkas dan kolaboratif maka pelaksanaan projek ini adalah bukti kesungguhan kerajaan untuk memastikan peningkatan kualiti perkhidmatan bukan sahaja berupaya memperkukuh operasi dan meningkatkan keuntungan syarikat, malah menjadi pemangkin kepada keyakinan pelabur asing untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Untuk makluman, kerja-kerja penaiktarafan landasan ini melibatkan pembaikan struktur rel, pembinaan sistem perparitan baharu, penggantian trek dan batu kelikir, serta peningkatan sistem isyarat dan keselamatan bermula selepas penutupan laluan pada Oktober 2024, ianya melibatkan jajaran sepanjang 39.9 kilometer dan meliputi tiga seksyen utama iaitu Kempas Baru – Seelong, Seelong – Johor Port, dan Johor Port – Pasir Gudang dan nilai keseluruhan projek adalah berjumlah RM55 juta.

Tempoh pelaksanaan awal projek ini adalah selama 24 bulan, namun hasil kerjasama erat Kementerian Pengangkutan bersama pihak RAC, KTMB dan kontraktor utama, projek ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh hanya 6 bulan sahaja. Ini merupakan satu pencapaian yang sangat membanggakan yang membuktikan kecekapan pelaksanaan dan pengurusan projek oleh semua pihak yang terlibat.

YB Loke berkata “ Pelanggan boleh meningkatkan aktiviti dalam urusan pemindahan kontena bukan sahaja dari Pelabuhan Pasir Gudang ke Pelabuhan Tanjung Pelepas malah ke Pelabuhan lain di Semenanjung Malaysia termasuk Pelabuhan Kuantan melalui laluan ECRL kelak, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang sehinggalah keluar negara melalui Thailand dan ke negara China”.

Turut hadir pada majlis ini ialah YBhg. **Dato’ Jana Santhiran Muniayan**, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT, YBrs. **Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid**, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOT, YBhg. **Dato’ Azhar bin Ahmad**, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Aset Keretapi (RAC), YBhg. **Dato’ Mohd Rani Hisham bin Samsuddin**, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB),

Penghargaan dirakamkan kepada Wakil Exco Pengangkutan Negeri Johor YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya,





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi, Negeri Johor dan YBhg. Dato' Monaliza binti Suhaimi, Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor yang telah turut sama menghadiri majlis ini serta tahniah kepada Syarikat Puncak Gali Harmoni Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat tempatan yang telah berjaya melaksanakan menyiapkan kerja-kerja membaik pulih landasan ini.

Majlis Perasmian Pembukaan Semula Landasan untuk Operasi Perkhidmatan Kargo bagi laluan Kempas Baru – Pasir Gudang ini diyakini dapat memajukan infrastruktur rel negara dan seterusnya mempertingkatkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju logistik dan pengangkutan di rantau ASEAN.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
9 MEI, 2025

-TAMAT-

TENTANG MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA:

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

